

Kerjasama Erat Kepimpinan Dan Pasukan Keselamatan Bantu Tangani Cabaran - Muhyiddin Bernama
26 April, 2013

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata kerjasama erat antara kepimpinan dengan pasukan keselamatan amat penting untuk membantu kerajaan menangani segala bentuk cabaran masa kini dan masa hadapan.

Timbalan perdana menteri berkata kerjasama itu seharusnya terus dipertingkat dan pasukan keselamatan perlu sentiasa bersiaga untuk berdepan dengan apa juga ancaman yang boleh mengganggu gugat keamanan dan keselamatan negara.

"Saya harap dengan usaha yang telah kita laksanakan pada masa lalu dan kini dapat meningkatkan lagi kesiapsiagaan untuk menangani apa sahaja bentuk cabaran yang boleh mengancam keselamatan negara," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 warga Pangkalan Udara Kuala Lumpur di sini.

Muhyiddin berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan serta masa depan anggota pasukan keselamatan yang sememangnya banyak berbakti dan berjasa kepada negara.

"Misalnya taraf perjawatan semua anggota tentera termasuk TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia) telah mula diselaraskan berkuatkuasa 1 Januari lepas.

"Saya yakin langkah itu dapat selesaikan masalah walaupun tidak semua tapi sebahagian apa yang kita rasa perlu untuk memperbaiki mutu perkhidmatan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-13 di Putrajaya, bulan lepas berkata kerajaan bersetuju pangkat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) disetarakan dengan Perkhidmatan Awam Am selaras perubahan lapisan gred jawatan atau gred gaji.

Beliau berkata kesetaraan itu dibuat bagi memastikan kedudukan ketiga-tiga perkhidmatan iaitu ATM, PDRM dan Perkhidmatan Awam Am sentiasa terpelihara di samping mengekalkan keharmonian antara perkhidmatan.

Muhyiddin berkata kerajaan BN sedar tanggungjawab untuk memimpin sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk bukan satu tugas mudah kerana setiap lapisan rakyat mempunyai tuntutan yang berbeza.

Beliau berkata untuk melaksanakan tanggungjawab itu ia memerlukan tekad, keazaman serta keberanian yang jitu agar nasib setiap rakyat dapat dibela dengan adil dan seterusnya menjamin sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

"Bukan mudah kerana pelbagai kaum, keturunan dan agama ia perlukan satu cara dan bentuk pengurusan yang berbeza banding dengan negara yang terdiri daripada bangsa "homogeneous" (serupa).

"Itulah yang telah kita cuba lakukan dalam tempoh kerajaan diberi kepercayaan. Kita berusaha untuk tentukan negara kekal aman, selamat dan rakyat boleh hidup bersatu padu," katanya.

Muhyiddin memberi jaminan bahawa tidak ada sebarang kelompok masyarakat di negara ini tanpa mengira di mana mereka berada yang akan terlepas pandang daripada menikmati hasil pembangunan negara selain mendapat layanan yang adil dan saksama.

Pada majlis itu timbalan perdana menteri dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman yang tiba seawal pukul 8 pagi pagi, bersarapan dengan warga Pangkalan Udara di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945264>